Sinar harian
suara cakna komuniti anda

HARI : SABTU
TARIKH : 14/3/2020
M/SURAT : 20

Harga RON95 turun 7 sen, RON97 dan diesel turun 9 sen

KUALA LUMPUR - Harga runcit petrol RON97 dan diesel turun sembilan sen seliter, manakala RON95 turun sebanyak tujuh sen seliter berkuat kuasa tengah malam tadi sehingga 20 Mac ini.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan semalam berkata, harga runcit petrol RON97 bagi minggu tersebut turun kepada RM2.10 daripada RM2.19 seliter, manakala harga diesel sebanyak RM1.87 daripada RM1.96 dan harga RON95 menjadi RM1.82 daripada RM1.89 seliter.

"Ketidaktentuan harga minyak mentah dunia pada masa ini dipengaruhi oleh ketidaksefahaman pengeluaran antara negara-negara pengeluar minyak utama dunia dan wabak koronavirus (Covid-19) yang memberi kesan kepada ekonomi global.

"Sebagai langkah menstabilkan turun naik harga minyak kepada pengguna dan mengimbangi ketidaktentuan hasil minyak kepada kerajaan, harga runcit petrol dan diesel diturunkan," menurut kenyataan itu.